

» BERITA (/BERITA) » Inovasi Adaptive Wear rangkul 'Outstanding Innovation Awards', Anugerah Emas pada MTE 2021

Senarai Berita (/berita)

Inovasi Adaptive Wear rangkul 'Outstanding Innovation Awards', Anugerah Emas pada MTE 2021

Oleh: Nor Azizah Ismail



SERDANG, 2 Nov – Penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) merangkul Outstanding Innovation Awards dan Anugerah Emas di Malaysia Technology Expo (MTE 2021); Sustainable Development Goals (SDG) International Innovation Awards, baru-baru ini.

Kumpulan penyelidik yang diketuai Prof. Dr Nazlina Shaari dari Fakulti Rekabentuk dan Senibina (FRSB), UPM memenangi anugerah itu melalui inovasi Adaptive Wear, inovasi pakaian kesihatan yang memfokuskan kepada pesakit warga emas dan orang kurang upaya.

Inovasi itu yang telah dipatenkan, menentangkan potongan pakaian yang direka khas untuk mereka memakai sendiri pakaian dengan lebih mudah, selesa dan sopan.



MTE 2021: Sustainable Development Goals (SDG) International Innovation Awards itu diadakan secara maya pada 25 hingga 29 Oktober lalu.

Prof. Dr Nazlina berkata inovasi Adaptive Wear itu berkonsepkan 'Kami Prihatin' (We Care Design).

"Produk pakaian yang dihasilkan ini terdapat dalam dua bentuk iaitu untuk warga emas yang lumpuh sepenuhnya (*bedridden*) dan untuk yang lumpuh separuh badan," katanya.




Beliau berkata, setiap potongan pakaian direka bentuk mengikut spesifikasi keperluan pengguna, dengan bahagian yang sukar digerakkan

LIHAT JUGA



Tiram di muara Sungai Muar disahkan spesies baharu, tidak terdapat di kawasan lain dunia (/berita/tiram_di_muara_sungai_muar_disahkan_spesies_baharu_tidak_terdapat_di_kawasan_lain_dunia-64093)



INTROP UPM anjur webinar mengenai COVID-19, pembungkusan makanan (/berita/introp_upm_anjur_webinar_mengenai_covid_19_pembungkusan_makanan-64089)



IWGM 2021 bincang meneruskan usaha kelestarian (/berita/iwgm_2021_bincang_meneruskan_usaha_kelestarian-64085)



Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
+603-9769 1000
pspk@upm.edu.my (mailto:pspk@upm.edu.my)

diberi bukaan lengan atau bahagian badan yang lebih luas untuk memudahkan mereka memakainya.

Katanya, bagi warga emas yang lumpuh sepenuhnya, pakaian itu boleh dibuka luas dan dibentangkan di bawah badan pesakit.

"Ini memudahkan penjaga untuk menyarungkan pakaian itu kepada pesakit dan meminimumkan pergerakan pesakit. Pakaian ini juga mempunyai ruang bagi penjaga meletakkan portable cold pack supaya pesakit lebih selesa dan bahagian badan tidak meleceh akibat terlalu lama berbaring," katanya.



Bagi warga emas yang lumpuh separuh badan pula, katanya, pesakit sendiri boleh menyarung pakaian itu tanpa menggerakkan bahagian yang lumpuh dan memudahkan penjaga mengendalikannya.

"Tujuan dua fungsi ini dicipta adalah untuk meminimumkan pergerakan pesakit dan memudahkan penjaga mereka menguruskan pemakaian baju sekiranya mereka tidak dapat bergerak sepenuhnya," katanya.

Bahan utama yang digunakan bagi inovasi itu adalah kapas, fabrik buluh campuran dan fabrik nanoteknologi yang mempunyai ciri-ciri antibakteria dan nyahbau yang dapat memberi keselesaan kepada pengguna serta tidak merosakkan kulit pesakit.

Antara kelebihan inovasi Adaptive Wear ialah ia menentang konsep pakaian tradisional yang berinspirasi 'Kurang Kedah' dan 'Baju Melayu'.

Ia juga mempunyai bahagian yang direka khas untuk pesakit meletakkan beg urin dan terdapat bukaan pada hujung supaya tiub untuk mencuci dapat dibuka tanpa mengeluarkan beg urin berulang kali.

Inovasi itu dihasilkan menggunakan dana Penyelidikan Pembangunan Prototaip (PRGS) dan adalah produk inovasi di bawah syarikat pemula (start-up company) di bawah InnoHub, Putra Science Park UPM iaitu makmal inovasi pertama yang disasarkan untuk memupuk usahawan teknologi yang menterjemahkan teknologi dan inovasi UPM menjadi produk berdaya maju pasaran.

Ahli lain dalam kumpulan penyelidikan penghasilan inovasi itu ialah Juliza Jamian, Dr. Rahimah Jamaluddin dan Prof. Dr. Khairul Aidil Azlin Abd Rahman. - UPM

Tarikh Input: 10/11/2021 | Kemaskini: 10/11/2021 | hairul_nizam

PERKONGSIAN MEDIA

(https://www.addtoany.com/share?url=https%3A%2F

%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Finovasi_adaptive_wear_rangkul_outstanding_innovation_awards_anugerah_emas_pada_mte_2021-64065&title=Inovasi%20Adaptive%20Wear%20Rangkul%20E2%80%98Outstanding%20Innovation%20Awards%20E2%80%99%2C%20Anugerah%20Emas%20Pada%20MTE%202021%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia)(/facebook) (/twitter) (/linkedin) (/email) (/copy_link) (/wordpress) (/print)

HUBUNGI KAMI

Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

+603-9769 1000
...
pspk@upm.edu.my

TALIAN KEEMASAN
BAHAGIAN KESELAMATAN UPM (24 JAM)
03-9769 7990 | 03-9769 7470 |
03-9769 1999

PERKHIDMATAN DALAM TALIAN


Sistem Perumahan ke Luar Negara
(http://bursar1.upm.edu.my/spin/)
Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN)
(http://www.sisman.upm.edu.my/)
KM Portal (http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/
/renderaction?method=home)
Jawatan Kosong (http://sjp.upm.edu.my/)
Sistem Baik Pulih ICT (http://zonict.upm.edu.my/)
Putra Learning Hub (http://learninghub.upm.edu.my/)
Sistem Pengurusan Perubatan
(http://regimed.upm.edu.my/)
Sistem E-Claim (http://eclaims.upm.edu.my/login/)
i-GIMS (staff) (http://www.sps.upm.edu.my:8080/igims/
/index.jsp)
i-GIMS (pelajar pascasiswazah)
(http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/)
Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah)
(http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/
/loginSmpSetup)

PAUTAN LUAR

Kementerian Pendidikan Malaysia
(https://www.moe.gov.my/)
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
(PTPTN) (http://www.ptpn.gov.my/)
Multimedia Super Corridor (https://mdc.my/mssc-
malaysia/)
Portal myGovernment (https://www.malaysia.gov.my/)
Agensi Kelayakan Malaysia
(https://www.mqa.gov.my/)

PAUTAN PANTAS

FAKULTI / PTI / PENTADBIRAN (/entiti)
Statistik Transaksi Laman Web
(http://www.upm.edu.my/statistik)
Tender & Kontrak (http://etender.upm.edu.my/)
Laporan Piagam Pelanggan (http://www.upm.edu.my/
/mengenal_kami/maklumat_korporat/
/piagam_pelanggan-8202)
Dokar UPM (http://www.pnc.upm.edu.my/
/mengenal_kami/dokar_universiti-5601)
Sistem Pengurusan ISO (http://reg.upm.edu.my/
/spk_upm/)
Dana Wakaf Ilmu (http://www.wazan.upm.edu.my/)
Penerbitan UPM (http://www.upm.edu.my/kandungan/
/Penerbitan_UPM-29859)
Takwim UPM 2021 (https://www.upm.edu.my/upload/
/dokumen/
/20210421082600TAKWIM_UPM_2021_20.1.2021.pdf)
UPM Flywire (https://landing-pages.flywire.com/
/landing/upm)



Dasar Privasi (/footnote/dasar_privasi-29948) Hakcipta (/footnote/hakcipta-29950) RSS (/rss) Penafian (/footnote/penafian-29938) Bantuan (/footnote/bantuan-29937)
UPM online (/footnote/upm_online-38695) Dasar Keselamatan (/footnote/dasar_keselamatan-29939)

LANGGAN MELALUI EMAIL Emel anda

© 2021 Universiti Putra Malaysia



BM ▾

- Entiti Kami
- Dokumen
- Newsletter
- Tetapan